



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E
Level 8, Block E8, Complex E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Rujukan Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 7 (48)
Tarikh : 14 Mac 2022

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 2 TAHUN 2022**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN
(PENGGAL, HARI DAN CUTI SEKOLAH) 1998 (PINDAAN) 2021**

TUJUAN

Surat Pekeling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Garis Panduan Pelaksanaan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 (Pindaan) 2021.

LATAR BELAKANG

2. Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 telah mula berkuat kuasa pada 21 Mei 1998. Peraturan ini telah dipinda pada tahun 2021 bagi disesuaikan dengan perkembangan dan keperluan semasa. Pindaan ini telah diwartakan pada 15 November 2021 sebagai Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) (Pindaan) 2021 [PU(A) 417/2021] yang berkuat kuasa pada 18 Mac 2020, iaitu tarikh bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh kerajaan disebabkan pandemik COVID-19.

3. Pindaan terhadap Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 dibuat bagi memperkemas dan memperjelas peruntukan dasar berkaitan supaya sesuai dengan perkembangan dan situasi semasa. Peraturan yang dipinda, antara lain, adalah berhubung dengan kuasa dan kaedah penutupan sekolah disebabkan darurat, bencana dan penyakit berjangkit, cuti peristiwa dan hari ganti serta bidang kuasa Pendaftar, guru besar dan pengetua berkaitan perkara tersebut. Pindaan ini juga bertujuan untuk membolehkan penggal persekolahan dibuat melangkau tahun dan tidak tertakluk kepada tempoh daripada bulan Januari hingga Disember bagi satu tahun tertentu sahaja.
4. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2022 bertarikh 10 Februari 2022 telah meluluskan **Garis Panduan Pelaksanaan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 (Pindaan) 2021** bertujuan memperincikan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 (Pindaan) 2021 tersebut.

PELAKSANAAN

5. **Garis Panduan Pelaksanaan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 (Pindaan) 2021** yang disertakan bersama-sama SPI ini bertujuan menjelaskan peruntukan yang terkandung dalam peraturan ini dan sebagai rujukan kepada jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah bagi memastikan perkara berikut dilaksanakan secara teratur dan berkesan:

- 5.1 Pematuhan terhadap jumlah hari persekolahan;
- 5.2 Pelaksanaan hari ganti persekolahan;
- 5.3 Permohonan dan pengambilan cuti peristiwa;
- 5.4 Pendaftaran kehadiran murid;
- 5.5 Pemberitahuan cuti;
- 5.6 Penutupan sekolah; dan
- 5.7 Peranan dan tanggungjawab Pendaftar, pengetua dan guru besar.

6. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan Garis Panduan Pelaksanaan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 (Pindaan) 2021 ini dirujuk dan dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat selari dengan peraturan yang telah diwartakan.

TARIKH KUAT KUASA

7. SPI ini **berkuat kuasa serta merta** mulai dari tarikh SPI ini dikeluarkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

8. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dengan memaklumkan kandungan SPI ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK HAJAH NOR ZAMANI BINTI ABDOL HAMID)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k. 1. YB Menteri Kanan Pendidikan
 Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
 Kementerian Pendidikan Malaysia
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
 Kementerian Pendidikan Malaysia

4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENGGAL, HARI DAN CUTI SEKOLAH) 1998 (PINDAAN) 2021

**GARIS PANDUAN INI MESTILAH DIBACA
BERSAMA-SAMA PERATURAN-PERATURAN
PENDIDIKAN (PENGGAL, HARI DAN CUTI
SEKOLAH) 1998 (PINDAAN) 2021**

Salinan PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENGGAL,
HARI DAN CUTI SEKOLAH) 1998 (PINDAAN) 2021 dilampirkan
bersama-sama garis panduan ini.

**PELAKSANAAN PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENGGAL, HARI DAN CUTI SEKOLAH) 1998
(PINDAAN) 2021**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENGGAL, HARI DAN CUTI SEKOLAH)
1998 (PINDAAN) 2021**

1.0 PENGENALAN

- 1.1. Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 dibuat berdasarkan peruntukan di bawah perenggan 130 (2)(b) Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] yang memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan berkaitan tempoh penggal institusi pendidikan, hari dan waktu murid hendaklah hadir di institusi pendidikan itu dan hari yang hendaklah dijadikan hari cuti oleh semua institusi pendidikan atau mana-mana institusi pendidikan atau golongan institusi pendidikan yang ditentukan.
- 1.2. Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) (Pindaan) 2021 telah diwartakan sebagai P.U.(A) 417/2021 pada 15 November 2021 dan mula berkuat kuasa pada 18 Mac 2020, iaitu tarikh bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh Kerajaan bagi mengawal penularan pandemik COVID-19.
- 1.3. Pindaan peraturan ini dibuat bertujuan:
 - i. memperkemaskan tafsiran sedia ada dan memasukkan tafsiran baharu bagi cakupan yang lebih luas untuk disesuaikan dengan keperluan dan situasi semasa;
 - ii. memperkemaskan dan memperjelaskan peraturan atau subperaturan sedia ada selari dengan perkembangan dan keperluan terkini;

**PELAKSANAAN PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENGAL, HARI DAN CUTI SEKOLAH) 1998
(PINDAAN) 2021**

- iii. menggantikan peraturan atau subperaturan sedia ada dengan peraturan atau subperaturan baharu yang bersesuaian dengan perkembangan dan keperluan terkini; dan
 - iv. memasukkan peraturan atau subperaturan baharu yang tidak dicakupi oleh Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pengal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998.
- 1.4. Beberapa pindaan telah dibuat melalui pewartaan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pengal, Hari dan Cuti Sekolah) (Pindaan) 2021, antaranya dengan memasukkan tafsiran “bencana”, memasukkan peruntukan baharu bagi menjelaskan tentang kuasa guru besar atau pengetua untuk menentukan, dengan kelulusan Pendaftar, bahawa persekolahan tidak dijalankan pada hari tertentu dan memperkemaskan tafsiran “cuti peristiwa”.
- 1.5. Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pengal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 (Pindaan) 2021 ini merupakan rujukan utama pihak pelaksana, iaitu jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah berkaitan jumlah hari sekolah, daftar kehadiran murid, cuti peristiwa, penetapan hari ganti dan penutupan sekolah.

2.0 TUJUAN

- 2.1. Garis Panduan Pelaksanaan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pengal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 (Pindaan) 2021 dikeluarkan bertujuan untuk memastikan perkara-perkara yang diperuntukkan di bawah peraturan ini, khususnya berkaitan cuti peristiwa, hari ganti persekolahan, pendaftaran kehadiran murid ke sekolah dan penutupan sekolah dilaksanakan secara teratur dan mematuhi peraturan ini.

**PELAKSANAAN PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENGGAL, HARI DAN CUTI SEKOLAH) 1998
(PINDAAN) 2021**

3.0 PEMAKAIAN PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENGGAL, HARI DAN CUTI SEKOLAH) 1998 (PINDAAN) 2021

Peraturan ini terpakai untuk sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan di bawah Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*].

4.0 TAFSIRAN

Dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 (Pindaan) 2021 ini, tafsiran yang terpakai di bawah peraturan ini adalah seperti yang berikut:

- 4.1. “**bencana**” ertinya apa-apa kejadian bencana yang boleh menggugat atau mengancam keselamatan, kesihatan atau ketenteraman komuniti sekolah dan termasuklah—
 - i. bencana alam termasuk banjir, ribut, taufan, gempa bumi, tsunami, ombak besar atau tanah runtuh;
 - ii. bencana industri termasuk letupan, kebakaran, pencemaran atau kebocoran bahan-bahan berbahaya di kilang, loji atau depot yang memproses, mengeluarkan atau menyimpan bahan berkenaan;
 - iii. kemalangan yang melibatkan pengangkutan, penyaluran atau pemindahan bahan berbahaya;
 - iv. keruntuhan bangunan atau struktur khas di dalam kawasan sekolah atau di luar kawasan sekolah;
 - v. kemalangan udara;

**PELAKSANAAN PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENGGAL, HARI DAN CUTI SEKOLAH) 1998
(PINDAAN) 2021**

- vi. perlenggaran atau kegelinciran keretapi atau apa-apa sistem pengangkutan rel;
 - vii. kebakaran di dalam kawasan sekolah atau di luar kawasan sekolah;
 - viii. empangan atau takungan air pecah;
 - ix. kemalangan kimia, biologi, radiologi atau nuklear yang melibatkan pepasangan atau yang berkaitan dengan kemalangan itu;
 - x. jerebu yang boleh menimbulkan keadaan kecemasan alam sekitar; atau
 - xi. apa-apa kejadian bencana lain yang diisyiharkan atau ditetapkan oleh Kerajaan;
- 4.2. “**guru besar**” atau “**pengetua**” ertinya seorang pegawai dalam Perkhidmatan Pendidikan yang dilantik oleh Ketua Pengarah Pendidikan untuk mengurus suatu sekolah;
- 4.3. “**hari ganti**” ertinya hari yang pendidikan hendaklah dijalankan bagi menggantikan hari yang tiada persekolahan atas sebab di bawah peraturan 6, 6A dan 10 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 (setakat pindaan 2021); dan
- 4.4. “**komuniti sekolah**” ertinya murid, guru, warden, kakitangan pentadbiran, penyedia perkhidmatan dan pekerja termasuk mana-mana orang yang dibenarkan untuk masuk ke dalam suatu kawasan sekolah.

**PELAKSANAAN PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENGGAL, HARI DAN CUTI SEKOLAH) 1998
(PINDAAN) 2021**

- 4.5. “**cuti peristiwa**” ertinya hari yang diluluskan oleh Pendaftar sebagai hari cuti yang disebabkan oleh apa-apa majlis rasmi sekolah atau perayaan.
- 4.6. “**penyakit berjangkit**” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]. Akta 342 menyenaraikan penyakit berjangkit dalam Jadual Pertama Akta. Bagi memudahkan rujukan, senarai penyakit berjangkit dalam Jadual Pertama Akta 342 adalah seperti mana Lampiran 1 kepada garis panduan ini.

5.0 PENG GAL PERSEKOLAHAN

- 5.1. Tempoh penggal persekolahan adalah berdasarkan kepada **kalender akademik** yang boleh bermula dari mana-mana bulan dalam sesuatu tahun. Penggunaan “kalender akademik” bertujuan untuk membolehkan penggal persekolahan dibuat melangkau tahun. Sehubungan dengan itu, tempoh mana-mana satu kalender akademik adalah merujuk kepada suatu penggal persekolahan yang bolehlah bermula dari mana-mana bulan dalam sesuatu tahun dan berakhir dalam mana-mana bulan pada tahun berikutnya.
- 5.2. Penetapan sesuatu kalender akademik adalah mengambil kira bahawa jumlah hari persekolahan dalam kalender akademik tersebut hendaklah tidak kurang daripada satu ratus sembilan puluh (190) hari sebagaimana diperuntukkan dalam subperaturan 6(1) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 (Pindaan) 2021.
- 5.3. Penetapan tempoh kalender akademik hendaklah mengambil kira semua Hari Kelepasan Am Persekutuan dan Hari Kelepasan Am Negeri yang diwartakan bagi negeri di mana terletaknya sekolah itu, yang jatuh pada hari sekolah semasa penggal persekolahan sebagaimana yang

**PELAKSANAAN PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENGAL, HARI DAN CUTI SEKOLAH) 1998
(PINDAAN) 2021**

diperuntukkan dalam Peraturan 5 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 (Pindaan) 2021.

6.0 CUTI

- 6.1. Semua sekolah hendaklah mematuhi Hari Kelepasan Am Persekutuan yang diwartakan oleh Kerajaan Persekutuan termasuk cuti yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan disebabkan oleh peristiwa tertentu dan bukan cuti yang telah sedia diwartakan.
- 6.2. Sekolah hendaklah menurut semua Hari Kelepasan Am Negeri yang diwartakan bagi negeri di mana terletaknya sekolah itu, yang jatuh pada hari sekolah semasa penggal persekolahan.
- 6.3. Bagi Hari Kelepasan Am Negeri tertentu, hanya sekolah di negeri tersebut sahaja bercuti, termasuk cuti yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri disebabkan oleh peristiwa tertentu dan bukan cuti yang telah sedia diwartakan.

7.0 HARI PERSEKOLAHAN

- 7.1. Hari persekolahan merujuk kepada hari yang proses pengajaran dan pembelajaran diadakan oleh guru bersama-sama murid, sama ada secara bersemuka atau melalui pendekatan atau medium lain yang sesuai dan praktik. Kehadiran guru dan murid adalah didaftarkan semasa hari persekolahan.
- 7.2. Jumlah hari persekolahan bagi mana-mana kalendar akademik hendaklah **tidak kurang** daripada satu ratus sembilan puluh (190) hari.

**PELAKSANAAN PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENGGAL, HARI DAN CUTI SEKOLAH) 1998
(PINDAAN) 2021**

- 7.3. Sekiranya jumlah hari persekolahan sesuatu sekolah dalam sesuatu kalender akademik adalah kurang dari satu ratus sembilan puluh (190) hari, guru besar atau pengetua hendaklah mengadakan hari ganti.

8.0 CUTI PERISTIWA

- 8.1. "Cuti peristiwa", sebagaimana dinyatakan dalam subperaturan 7(3) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 (Pindaan) 2021, merujuk kepada hari yang diluluskan oleh Pendaftar sebagai hari cuti berdasarkan permohonan oleh guru besar atau pengetua yang disebabkan oleh apa-apa majlis rasmi sekolah atau perayaan, termasuk sambutan, upacara atau perayaan keagamaan sama ada yang diwartakan oleh Kerajaan atau tidak diwartakan.
- 8.2. Guru besar atau pengetua boleh menentukan hari tertentu sebagai cuti peristiwa yang **tidak melebihi empat hari** dalam mana-mana kalender akademik (sebagaimana yang diperuntukkan dalam subperaturan 7(1) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 (Pindaan) 2021).
- 8.3. Cuti peristiwa berikutan majlis rasmi sekolah hanya boleh diambil sekiranya majlis tersebut diadakan pada **hari kelepasan hujung minggu atau hari kelepasan am** yang diwartakan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Bagi tujuan ini, guru besar atau pengetua boleh memohon kepada Pendaftar untuk mengambil cuti peristiwa pada hari bekerja pertama sebaik selepas majlis rasmi tersebut diadakan. Sehubungan dengan itu, guru besar atau pengetua tidak boleh memohon cuti peristiwa sekiranya mengadakan majlis rasmi sekolah pada hari persekolahan.
- 8.4. Majlis rasmi sekolah ialah majlis rasmi yang melibatkan guru dan murid, dan memberikan manfaat atau mempunyai kepentingan dari segi kemajuan

**PELAKSANAAN PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENGGAL, HARI DAN CUTI SEKOLAH) 1998
(PINDAAN) 2021**

dan kesejahteraan institusi, guru dan murid, seperti Hari Anugerah Kecemerlangan, Hari Perasmian Sekolah, Hari Interaksi Bersama Ibu Bapa, Sambutan Jubli Emas Sekolah dan Kejohanan Sukan Tahunan Sekolah.

- 8.5. Cuti peristiwa tidak boleh diambil sehari sebelum atau sehari selepas cuti penggal sekolah.
- 8.6. Cuti peristiwa bersempena sambutan, upacara atau perayaan keagamaan boleh diambil sebelum, semasa atau selepas perayaan tersebut.
- 8.7. Guru besar atau pengetua hanya boleh mengambil satu (1) hari cuti peristiwa bagi sesuatu majlis rasmi sekolah atau perayaan.
- 8.8. Cuti peristiwa tidak boleh diambil bagi mana-mana sambutan, upacara atau perayaan keagamaan yang telah ditetapkan cuti tambahan dalam mana-mana kalender akademik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 8.9. Walau bagaimanapun, sekiranya guru besar atau pengetua mengemukakan sebab yang munasabah dan praktik, Pendaftar boleh mempertimbangkan untuk meluluskan:
 - i. lebih dari satu (1) hari cuti peristiwa bagi sesuatu majlis rasmi sekolah atau perayaan; atau
 - ii. cuti peristiwa bagi mana-mana perayaan keagamaan yang telah ditetapkan cuti tambahan dalam mana-mana kalender akademik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

9.0 PERMOHONAN CUTI PERISTIWA

- 9.1. Guru besar atau pengetua hendaklah membuat perancangan awal bagi menetapkan hari tertentu sebagai cuti peristiwa yang hendaklah tidak melebihi empat (4) hari yang akan diambil dalam satu tempoh kalender akademik dan dimasukkan dalam takwim penggal persekolahan sekolah.
- 9.2. Permohonan untuk cuti peristiwa hendaklah dikemukakan oleh guru besar atau pengetua kepada Pendaftar **selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari** sebelum tarikh cuti peristiwa tersebut. Walau bagaimanapun, Pendaftar boleh mempertimbangkan untuk meluluskan permohonan cuti peristiwa yang dikemukakan kurang dari tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh cuti peristiwa tersebut sekiranya Pendaftar berpuas hati bahawa guru besar atau pengetua mengemukakan sebab yang munasabah.
- 9.3. Guru besar atau pengetua hendaklah mengemukakan permohonan cuti peristiwa kepada Pendaftar bagi mendapatkan kelulusan menggunakan mekanisme yang ditetapkan oleh Pendaftar dan memastikan maklumat dan dokumen sokongan yang diperlukan adalah tepat dan lengkap.
- 9.4. Guru besar atau pengetua boleh mengemukakan permohonan untuk meminda mana-mana hari cuti peristiwa yang telah diluluskan kepada Pendaftar selewat-lewatnya empat belas hari (14) hari sebelum tarikh cuti peristiwa yang telah diluluskan tersebut.
- 9.5. Pendaftar boleh tidak meluluskan permohonan cuti peristiwa yang dikemukakan oleh seseorang guru besar atau pengetua atas sebab tertentu, termasuklah disebabkan permohonan yang tidak lengkap, mengandungi maklumat yang meragukan, gagal mengemukakan apa-apa sebab yang munasabah bagi mendapatkan cuti peristiwa atau kerana hari

**PELAKSANAAN PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENGAL, HARI DAN CUTI SEKOLAH) 1998
(PINDAAN) 2021**

persekolahan sekolah tersebut kurang daripada satu ratus sembilan puluh (190) hari.

- 9.6. Pendaftar akan memaklumkan status kelulusan permohonan cuti peristiwa kepada guru besar atau pengetua, dan pejabat pendidikan daerah berkaitan secara bertulis.
- 9.7. Proses permohonan cuti peristiwa adalah seperti mana Lampiran 2 kepada Garis Panduan ini.

10.0 HARI GANTI PERSEKOLAHAN

- 10.1. Hari ganti persekolahan merujuk kepada hari yang pengajaran dan pembelajaran hendaklah dijalankan bagi menggantikan hari yang tiada persekolahan atau cuti atas sebab yang diperuntukkan di bawah subperaturan 6, 6A dan 10 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 (Pindaan) 2021.
- 10.2. Guru besar atau pengetua hendaklah mengadakan hari ganti persekolahan:
 - i. sekiranya hari sekolah bagi mana-mana satu kalendar akademik kurang daripada satu ratus sembilan puluh (190) hari sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 6 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 (Pindaan) 2021;
 - ii. bagi menggantikan hari persekolahan yang tidak dapat dijalankan disebabkan oleh apa-apa sebab yang difikirkan perlu oleh guru besar dan pengetua dengan kelulusan Pendaftar sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 6A Peraturan-

**PELAKSANAAN PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENGGAL, HARI DAN CUTI SEKOLAH) 1998
(PINDAAN) 2021**

Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 (Pindaan) 2021; dan

- iii. bagi menggantikan hari penutupan sekolah disebabkan oleh darurat, bencana atau penyakit berjangkit sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 10 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 (Pindaan) 2021 melainkan jika Pendaftar meluluskan untuk tidak diganti.
- 10.3. Sesi pengajaran dan pembelajaran hendaklah dijalankan semasa hari ganti persekolahan mengikut jadual hari sekolah yang diganti.
- 10.4. Kehadiran murid hendaklah didaftarkan semasa hari ganti persekolahan.
- 10.5. Hari yang persekolahan tidak dapat dijalankan dengan kelulusan Pendaftar sebagaimana dalam perkara 10.2(ii) merujuk kepada penutupan sekolah yang tidak dirancang dan tidak dijadualkan dalam kalender akademik atau takwim sekolah serta tidak termasuk cuti peristiwa yang telah diluluskan oleh Pendaftar.
- 10.6. Hari yang sekolah ditutup atas arahan Kerajaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis tidak perlu diganti dengan hari yang lain.

11.0 PENDAFTARAN KEHADIRAN MURID

- 11.1. Kehadiran murid semasa hari sekolah hendaklah direkodkan dalam daftar kehadiran kedatangan murid pada setiap hari yang murid itu hadir, termasuk semasa hari ganti dan semasa murid berada di luar sekolah bagi mengikuti program atau aktiviti rasmi sekolah.

**PELAKSANAAN PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENGGAL, HARI DAN CUTI SEKOLAH) 1998
(PINDAAN) 2021**

- 11.2. Pendaftaran kehadiran murid boleh menggunakan mekanisme yang seragam dan dipersetujui oleh Pendaftar.

12.0 PENUTUPAN SEKOLAH

- 12.1. Sekiranya berlaku darurat, bencana atau penyakit berjangkit yang boleh mengancam keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan komuniti sekolah dan memerlukan **tindakan serta-merta diambil**, guru besar atau pengetua boleh menutup sekolah bagi suatu tempoh tertentu.
- 12.2. Penutupan sekolah atas sebab darurat, bencana atau penyakit berjangkit hendaklah dimaklumkan oleh guru besar atau pengetua kepada Pendaftar dengan serta-merta secara lisan dan bertulis menggunakan apa-apa medium yang sesuai.
- 12.3. Guru besar dan pengetua hendaklah mengemukakan surat pemakluman rasmi kepada Pendaftar berhubung penutupan sekolah serta-merta atas sebab darurat, bencana atau penyakit berjangkit setelah keadaan darurat, bencana atau penyakit berjangkit tersebut telah reda, terkawal atau stabil. Surat pemakluman tersebut hendaklah dilampirkan bersama-sama dokumen sokongan yang menjelaskan tentang proses penilaian risiko yang dijalankan sebelum keputusan untuk menutup sekolah dibuat oleh guru besar atau pengetua, seperti:
- i. garis panduan dan manual pengurusan bencana oleh Kementerian Pendidikan Malaysia atau agensi kerajaan lain;
 - ii. tangkap layar / paparan komunikasi yang dibuat dengan agensi kerajaan berkaitan darurat, bencana atau penyakit berjangkit; atau
 - iii. gambar semasa kejadian darurat, bencana atau penyakit berjangkit berlaku.

**PELAKSANAAN PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENGGAL, HARI DAN CUTI SEKOLAH) 1998
(PINDAAN) 2021**

- 12.4. Guru besar atau pengetua hendaklah memaklumkan ibu bapa dan penjaga berkaitan penutupan sekolah atas sebab selain darurat, bencana atau penyakit berjangkit dengan segera secara bertulis menggunakan apa-apa medium komunikasi yang sesuai.
- 12.5. Guru besar atau pengetua hendaklah memaklumkan Pendaftar tarikh hari ganti yang ditetapkan bagi menggantikan hari yang sekolah ditutup. Walau bagaimanapun, hari ganti tidak perlu diadakan sekiranya diluluskan oleh Pendaftar untuk tidak diganti.

13.0 PEMBERITAHUAN CUTI, HARI GANTI ATAU PENUTUPAN SEKOLAH

Guru besar atau pengetua hendaklah memaklumkan ibu bapa atau penjaga berkaitan cuti penggal sekolah, cuti peristiwa, hari ganti dan penutupan sekolah secara bertulis menggunakan apa-apa medium komunikasi yang sesuai dan maklumat boleh diterima dengan mudah, cepat dan tepat oleh ibu bapa atau penjaga.

14.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENDAFTAR

Seseorang Pendaftar hendaklah:

- 14.1. mempertimbangkan kelulusan bagi permohonan cuti peristiwa yang dikemukakan oleh seseorang guru besar atau pengetua yang mematuhi dasar, garis panduan dan tatacara yang ditetapkan;
- 14.2. memaklumkan kepada seseorang guru besar atau pengetua status kelulusan permohonan cuti peristiwa yang dikemukakan secara bertulis;
- 14.3. memastikan guru besar atau pengetua merekodkan pendaftaran kehadiran murid semasa hari persekolahan termasuk semasa hari ganti

**PELAKSANAAN PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENGGAL, HARI DAN CUTI SEKOLAH) 1998
(PINDAAN) 2021**

persekolahan dan semasa murid berada di luar sekolah bagi mengikuti program atau aktiviti rasmi sekolah menggunakan mekanisme yang ditetapkan;

- 14.4. memastikan penutupan sesebuah sekolah oleh guru besar atau pengetua mematuhi dasar dan garis panduan yang ditetapkan;
- 14.5. memastikan guru besar atau pengetua mengemukakan surat pemakluman yang menyebabkan sesuatu sekolah ditutup dengan segera setelah keadaan darurat, bencana atau penyakit berjangkit tersebut telah reda, terkawal atau stabil; dan
- 14.6. memastikan guru besar atau pengetua mengadakan hari ganti bagi menggantikan hari yang sekolah ditutup melainkan jika Pendaftar meluluskan untuk tidak diganti.

15.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB GURU BESAR ATAU PENGETUA

Seseorang guru besar atau pengetua hendaklah:

- 15.1. memastikan kehadiran murid didaftarkan semasa hari persekolahan, termasuk semasa hari ganti persekolahan;
- 15.2. memastikan hari persekolahan bagi sekolahnya tidak kurang daripada satu ratus sembilan puluh (190) hari dalam sesuatu kalendar akademik;
- 15.3. mengadakan hari ganti persekolahan bagi mana-mana sebab yang dinyatakan dalam perkara 10.2 garis panduan ini;
- 15.4. memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran diadakan semasa hari ganti persekolahan;

- 15.5. merancang dan menentukan cuti peristiwa bagi sekolahnya, dan hendaklah tidak melebihi empat (4) hari dalam sesuatu kalender akademik;
- 15.6. mengemukakan permohonan cuti peristiwa kepada Pendaftar dengan mematuhi dasar dan tatacara yang ditetapkan;
- 15.7. merujuk kepada garis panduan dan manual pengurusan bencana oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan agensi kerajaan lain yang berkaitan sebelum memutuskan penutupan sekolah disebabkan sesuatu bencana;
- 15.8. mempertimbangkan untuk menutup sekolah bagi suatu tempoh tertentu disebabkan darurat, bencana atau penyakit berjangkit berdasarkan penilaian risiko yang dijalankan;
- 15.9. memaklumkan Pendaftar dengan serta-merta tentang penutupan sekolah secara lisan dan bertulis melalui apa-apa medium komunikasi yang sesuai;
- 15.10. mengemukakan surat pemakluman rasmi kepada Pendaftar berhubung penutupan sekolah disebabkan darurat, bencana atau penyakit berjangkit dan dilampirkan dengan dokumen sokongan berkaitan;
- 15.11. memaklumkan ibu bapa dan penjaga berkaitan penutupan sekolah dengan segera secara bertulis menggunakan apa-apa medium komunikasi yang sesuai; dan
- 15.12. menetapkan tarikh hari ganti persekolahan bagi menggantikan hari yang sekolah ditutup dan memaklumkan tarikh tersebut kepada Pendaftar.

16.0 PENUTUP

Garis Panduan Pelaksanaan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998 (Pindaan) 2021 ini dihasratkan dapat memastikan pengoperasian dan pengurusan penutupan sekolah dan cuti dilaksanakan secara teratur. Proses pengajaran dan pembelajaran murid mestilah menjadi keutamaan dalam mempertimbangkan keputusan untuk menutup sekolah, tanpa sekali-kali menjejaskan kesihatan, keselamatan dan ketenteraman komuniti sekolah.

LAMPIRAN 1

**AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988
[AKTA 342]**

**JADUAL PERTAMA
[Seksyen 2]
 PENYAKIT-PENYAKIT BERJANGKIT
BAHAGIAN I**

1. Avian Influenza
2. Batuk Kokol
3. Campak
4. Chancroid
5. Demam denggi dan demam denggi berdarah
6. Demam kuning
7. Difteria
8. Disenteri (Semua jenis)
9. Ebola
10. Jangkitan Gonococcal (Semua jenis)
11. Jangkitan virus Zika
12. Leptospirosis
13. Keracunan makanan
14. Kolera
15. Kusta
16. Malaria
17. Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus (MERS-CoV)
- 17A. Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)
18. Penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD)

**PELAKSANAAN PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENGGAL, HARI DAN CUTI SEKOLAH) 1998
(PINDAAN) 2021**

19. Plague
20. Poliomielitis (Akut)
21. Rabies
22. Relapsing fever
23. Sifilis (Semua jenis)
24. Tetanus (Semua jenis)
25. Tifoid dan paratyphoid
26. Tifus dan ricketsioses lain
27. Tuberkulosis (Semua jenis)
28. Viral ensefalitis
29. Viral hepatitis
30. Apa-apa jangkitan microbial lain yang mengancam nyawa

BAHAGIAN II


Human Immunodeficiency Virus Infection (Semua jenis)


Makluman:

Jadual Pertama Akta 342 boleh ditambah, diubah dan dipinda oleh Menteri Kesihatan dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, Lampiran kepada Garis Panduan ini akan dikemas kini sekiranya terdapat penambahan, pengubahan atau pindaan kepada Jadual Pertama Akta 342 tersebut.

LAMPIRAN 2

PERMOHONAN CUTI PERISTIWA





PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENG GAL, HARI DAN CUTI SEKOLAH) 1998 (PINDAAN) 2021

MAKLUMAN

PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENG GAL, HARI DAN CUTI SEKOLAH) 1998 TELAH DIPINDA MELALUI PEWARTAAN PU(A) 417/2021 BERTARIKH 15 NOVEMBER 2021. PINDAANINI DISIFATKAN TELAH BERKUAT KUASA PADA 18 MAC 2020.

NASKHAHINI TELAH DIMASUKKAN PINDAAN 2021 UNTUK DIGUNAKAN SEBAGAI RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIANGGAP SEBAGAI DOKUMEN RASMI YANG DIKELUARKAN OLEH JABATAN PEGUAM NEGARA. DOKUMENINI TIDAK BOLEH DIEDARKAN KEPADA UMUM ATAU DIKONGSIKAN DI MANA-MANA PLATFORM DIGITAL ATAU MEDIA SOSIAL TANPA KEBENARAN BAHAGIANINI.

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
FEBRUARI 2022

AKTA PENDIDIKAN 1996

**PERATURAN-PERATURAN PENDIDIKAN (PENGGAL, HARI DAN CUTI SEKOLAH)
1998**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 130 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penggal, Hari dan Cuti Sekolah) 1998** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 21 Mei 1998.

2. Pemakaian.

Peraturan-peraturan ini adalah terpakai bagi sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.

3. Tafsiran.

Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“bencana” ertinya apa-apa kejadian bencana yang boleh menggugat atau mengancam keselamatan, kesihatan atau ketenteraman komuniti sekolah dan termasuklah— [Mas. PU(A) 417/21]

- (a) bencana alam termasuk banjir, ribut, taufan, gempa bumi, tsunami, ombak besar atau tanah runtuh;
- (b) bencana industri termasuk letupan, kebakaran, pencemaran atau kebocoran bahan-bahan berbahaya di kilang, loji atau depot yang memproses, mengeluarkan atau menyimpan bahan berkenaan;

- (c) kemalangan yang melibatkan pengangkutan, penyaluran atau pemindahan bahan berbahaya;
- (d) keruntuhan bangunan atau struktur khas di dalam kawasan sekolah atau di luar kawasan sekolah;
- (e) kemalangan udara;
- (f) perlanggaran atau kegelinciran keretapi atau apa-apa sistem pengangkutan rel;
- (g) kebakaran di dalam kawasan sekolah atau di luar kawasan sekolah;
- (h) empangan atau takungan air pecah;
- (i) kemalangan kimia, biologi, radiologi atau nuklear yang melibatkan pepasangan atau yang berkaitan dengan kemalangan itu;
- (j) jerebu yang boleh menimbulkan keadaan kecemasan alam sekitar; atau
- (k) apa-apa kejadian bencana lain yang diisyiharkan atau ditetapkan oleh Kerajaan;

“guru besar” atau “pengetua” ertinya seorang pegawai dalam Perkhidmatan Pendidikan yang dilantik oleh Ketua Pengarah Pendidikan untuk mengurus suatu sekolah; [Pind. PU(A)
417/21]

“hari ganti” ertinya hari yang pendidikan hendaklah dijalankan bagi menggantikan hari yang tiada persekolahan atas sebab di bawah peraturan 6, 6A dan 10; [Pind. PU(A)
417/21]

"komuniti sekolah" ertinya murid, guru, warden, kakitangan pentadbiran, penyedia perkhidmatan dan pekerja termasuk mana-mana orang yang dibenarkan untuk masuk ke dalam suatu kawasan sekolah.".

4. Kaedah-kaedah penggal sekolah.

Kaedah-kaedah penggal sekolah bagi mana-mana kalendar akademik hendaklah mendapat kelulusan Menteri.

5. Cuti.

Sekolah hendaklah menurut semua Hari Kelepasan Am Persekutuan dan Hari Kelepasan Am Negeri yang diwartakan bagi negeri di mana terletaknya sekolah itu, yang jatuh pada hari sekolah semasa penggal sekolah.

6. Hari sekolah.

(1) Hari sekolah bagi mana-mana kalendar akademik hendaklah tidak kurang daripada satu ratus sembilan puluh hari.

(2) Guru besar atau pengetua hendaklah mengadakan hari ganti jika dia mendapati bahawa hari sekolah bagi sekolahnya adalah kurang dari satu ratus sembilan puluh hari.

6A. Tiada persekolahan disebabkan apa-apa sebab

[Mas. PU(A)]

417/21]

(1) Guru besar atau pengetua boleh, dengan kelulusan Pendaftar, menentukan hari tertentu yang persekolahan tidak dijalankan disebabkan oleh apa-apa sebab yang difikirkan perlu oleh guru besar atau pengetua.

(2) Hari yang persekolahan tidak dijalankan di bawah subperaturan (1) hendaklah digantikan dengan hari yang lain.

7. Cuti peristiwa.

- (1) Guru besar atau pengetua boleh, dengan kelulusan Pendaftar, menentukan hari tertentu sebagai cuti peristiwa yang tidak boleh melebihi empat hari dalam mana-mana kalender akademik. [Pind. PU(A) 417/21]
- (2) Cuti peristiwa itu tidak boleh diambil bagi maksud melanjutkan cuti penggal sekolah.
- (3) Dalam peraturan ini, "cuti peristiwa" ertinya hari yang diluluskan oleh Pendaftar sebagai hari cuti yang disebabkan oleh apa-apa majlis rasmi sekolah atau perayaan. [Mas. PU(A) 417/21]

8. Daftar kehadiran murid.

- (1) Kehadiran murid ke sekolah semasa hari sekolah hendaklah direkodkan dalam daftar kedatangan murid pada setiap hari yang murid itu hadir.
- (2) Nama murid yang telah bertukar atau berhenti sekolah hendaklah dibatalkan dari daftar itu pada hujung sesuatu bulan yang berkenaan.
- (3) Guru besar atau pengetua boleh mengambil tindakan disiplin terhadap seseorang murid yang gagal hadir sekolah bagi tempoh tiga hari berturut-turut tanpa apa-apa sebab munasabah. [Pind. PU(A) 417/21]

9. Pemberitahuan cuti.

Guru besar atau pengetua hendaklah memberitahu ibu bapa murid secara bertulis mengenai hari ganti, cuti penggal sekolah dan cuti peristiwa.

10. Kuasa menutup sekolah.

- (1) Guru besar atau pengetua mempunyai kuasa untuk menutup sekolah bagi suatu tempoh tertentu jika berlaku darurat, bencana atau penyakit berjangkit. [Pind. PU(A) 417/21]
- (2) Penutupan sekolah di bawah peraturan ini hendaklah diberitahu kepada Pendaftar secara lisan dan bertulis dengan serta-merta oleh guru besar atau pengetua. [Pind. PU(A) 417/21]
- (3) Hari yang sekolah itu ditutup hendaklah diganti dengan hari yang lain melainkan jika diluluskan selainnya untuk tidak digantikan oleh Pendaftar. [Mas. PU(A) 417/21]
- (4) Walau apa pun subperaturan (3), hari yang sekolah itu ditutup atas arahan Kerajaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis tidak perlu diganti dengan hari yang lain. [Mas. PU(A) 417/21]
- (5) Dalam peraturan ini, "penyakit berjangkit" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]. [Mas. PU(A) 417/21]